

12 MAR 2002

KEDAH MAJU 2010 MASUK KAMPUNG

ALOR SETAR, 12 Mac (Bernama) -- Satu pasukan petugas Kedah Maju 2010 akan ditubuhkan dengan tujuan utama untuk masuk ke kampung-kampung bagi memberi penjelasan mengenai visi kerajaan.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, hari ini berkata, pasukan ini akan memastikan supaya penduduk-penduduk kampung tidak dikelirukan oleh pihak-pihak tertentu mengenai hasrat kerajaan untuk menjadikan Kedah negeri maju sebelum 2010.

"Selain masuk ke kampung pasukan ini juga akan memberi penerangan kepada orang ramai dan seluruh penduduk di negeri ini amnya," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis pecah tanah Rumah Bidara di sini.

Pasukan itu akan diketuai oleh anggota exco yang memegang portfolio penerangan, Rosnah Majid.

Selain itu, pasukan itu akan turut dianggotai oleh Universiti Utara Malaysia, Jabatan Penerangan dan Penyiaran dan juga agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Kedah sebelum ini telahpun melancarkan pelan tindakan Kedah Maju 2010 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

MNH PR